



MAJLIS DAERAH KUALA PILAH  
72009 KUALA PILAH  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.

NO. TEL : 06-4812075/ 4814025  
NO. FAKS: 06-4811042  
Email : [mdkp@mdkp.gov.my](mailto:mdkp@mdkp.gov.my)  
Laman web: <http://www.mdkp.gov.my>

Ruj. Fail : MDKP.NS 01.500-5/1

## IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada **WARGANEGARA MALAYSIA** dan keutamaan diberi kepada **RAKYAT NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS** yang berkelayakan dan **BERUMUR TIDAK KURANG 18 TAHUN** pada tarikh iklan ditutup untuk memenuhi jawatan kosong seperti berikut :-

BIL	JAWATAN	KLASIFIKASI	JUMLAH KOSONG	JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM
1.	Pembantu Penilaian Gred W19/W22 <b>(TETAP)</b>	Perkhidmatan Kewangan	1	1353.00 - 4005.00
2.	Pemandu Kenderaan Gred H11/H14 <b>(TETAP)</b>	Perkhidmatan Mahir, Separuh Mahir Dan Tidak Mahir	1	1218.00 - 2939.00

Jadual gaji di atas tidak termasuk Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA), Imbuhan Tetap Perumahan (ITP), Elaun Sara Hidup (ESH) dan elaun-elaun lain

## 1. PEMBANTU PENILAIAN GRED W19/ W22

Kumpulan : Sokongan

Jadual Gaji :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1353.00	RM4005.00	RM100.00

### Syarat Lantikan :

- Calon lantikan hendaklah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat Kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut. (Gaji Permulaan : RM1,353.00) atau
- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W19:RM1,409.40); atau
- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W19 : RM1,465.80 )

### Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### DISKRIPSI TUGAS

Menerima arahan dan menjalankan penilaian harta tanah dan pentadbiran, menerima arahan tugas informasi harta tanah, menerima arahan dan menjalankan latihan dan penyelidikan, mendapatkan kelulusan terhadap nilai yang melebihi kuasa untuk melaporkannya dan lain-lain kelulusan terhadap perkara dinyatakan di atas.

## 2. PEMANDU KENDERAAN GRED H11 /H14

Kumpulan : Sokongan

Jadual Gaji :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,218.00	RM2,939.00	RM80.00

### Syarat Lantikan :

- Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- Memiliki lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) (kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P). (Keutamaan adalah kepada calon yang memiliki Lesen Memandu Kelas E);
- Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan bermotor berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Lesen D	1264.15
Lesen E/E1/E2	1310.30
Lesen F/H	1356.45
Lesen G/I	1402.60

- Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### DISKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu daripada Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/ jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/ jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori, dumper, roller dan traktor pertanian.

## CARA MEMOHON

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan yang boleh didapati daripada urus setia Majlis Daerah Kuala Pilah pada waktu pejabat dibuka dan diiklankan pada **31 Julai 2017**.
2. Borang juga boleh didapati secara proses muat turun daripada laman web rasmi MDKP, <http://www.mdkp.gov.my>. Permohonan daripada pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing dan pastikan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan yang terkini disertakan bersama seperti di jelaskan didalam [P.U.(A)1/2012].
3. Tarikh tutup permohonan ialah pada : **11 Ogos 2017**
4. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan **salinan sijil yang diakui sah** oleh mereka yang berkelayakan seperti Pegawai Kerajaan Kumpulan A (Pengurusan dan Profesional), Pegawai Kumpulan Sokongan 1, Penghulu, Jaksa Pendamai, Pesuruhjaya Sumpah, Pengerusi JKKK dan setaraf dengannya beserta gambar berukuran passport yang dialamatkan kepada :

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH KUALA PILAH  
72009 KUALA PILAH  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.**

## CATATAN :

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga dengan setiap keputusan temu duga adalah muktamad.
2. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temu duga adalah ditanggung oleh calon sendiri.
3. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 1 tahun dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.
4. Borang yang tidak lengkap seperti tiada tandatangan, pengesahan (salinan diakui sah) tidak akan diberi pertimbangan.



.....  
**MOHAMAD RIDHA BIN JOHAN**  
Setiausaha.  
b.p Yang Dipertua  
Majlis Daerah Kuala Pilah